

Akta Ahli Geologi 689 tingkat imej, kualiti profesion

Pembangunan babit kepentingan awam perlu dilulus pakar bertauliah

Apabila berlaku bencana alam seperti tanah runtuh, banjir lumpur, gempa bumi, tsunami dan letusan volkano, ahli geologi sering dijemput untuk menjelaskan fenomena bencana, impak kepada awam dan cara untuk mengatasinya. Terakhir ini, impak degradasi tanah, pencemaran udara dan air akibat perlombongan bauksit di Kuantan juga memerlukan khidmat ahli geologi.

Masyarakat masih kurang menyedari wujud Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Jabatan ini bertanggungjawab memeta, merancang dan menentukan dasar perlombongan pelbagai bijih (mineral) untuk keperluan negara atau sebagai komoditi untuk eksport. Di PETRONAS umpamanya, ramai ahli geologi bertugas meneroka minyak dan gas bumi sebelum jurutera petroleum mengeluarkannya sebagai bahan bakar bagi menghasilkan tenaga.

Siasat kestabilan struktur, alam

Dalam syarikat perundingan dan pembinaan infrastruktur utama, ahli geologi bertugas untuk menyiasat keadaan tanah dan batuan di permukaan bumi sebelum jurutera memulakan pembinaan. Matlamat penyiasatan geologi kejuruteraan ialah untuk memastikan pembinaan dilakukan di kawasan yang sesuai dan selamat, kestabilan infrastruktur terjaga, kos pembinaan optimum dan impak alam sekitar diminimumkan.

Profesion geologi adalah asas dalam pembangunan negara. Mereka adalah pakar di belakang tabir dalam pelbagai kegiatan pembangunan, khususnya industri perlombongan, penerokaan sumber tenaga, pembinaan infrastruktur berat (terowong, lebuh raya, jambatan, bangunan) dan kawalan kemusnahan akibat bencana alam. Di Malaysia, tiga universiti utama yang menghasilkan ahli geologi ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Oleh kerana, ahli geologi memainkan peranan besar dalam proses pembangunan yang membabitkan kebajikan serta keselamatan awam, kajian dan pelaporan mereka perlu mempunyai kejituan serta kepercayaan tinggi. Mereka adalah pakar iktisas yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran khas serta perlu kawalan profesionalisme untuk kepentingan awam. Justeru, pada tahun 2008, kerajaan Malaysia telah meluluskan Akta Ahli Geologi 689 yang berkuat kuasa pada tahun 2015 untuk mengawal profesion geologi ini.

Lembaga Ahli Geologi telah bersidang beberapa kali untuk melaksanakan akta penting ini. Di samping menyediakan pelbagai garis panduan kawalan dan etika profesion, kami menerima permohonan pendaftaran daripada 2,222 ahli geologi yang telah dan bersedia untuk berkhidmat kepada negara. Ini adalah peristiwa penting dan bersejarah pengamal geologi, akhirnya mereka diiktiraf sebagai ahli iktisas (profesional) yang turut bersama membangun negara.

Profesion kini lebih dihargai

Akta ahli geologi mempunyai dua kepentingan asas. Pertama, memperkasa sumbangan kepakaran dan pengalaman ahli geologi sambil meningkatkan kualiti perkhidmatan untuk pembangunan industri serta kesejahteraan masyarakat. Kualiti perkhidmatan adalah prasyarat bagi memastikan profesion geologi berwibawa, dihargai dan memberi impak positif kepada pihak berkepentingan.

Kedua, pada masa ini, ada amalan songang yang mana input geologi disediakan oleh mereka yang tidak mempunyai latihan dan kemahiran bidang geologi. Keadaan ini sangat berbahaya kerana jika keputusan dibuat berasaskan maklumat tidak berasas (lemah) dan mengakibatkan bahaya atau kerugian, kesejahteraan awam tidak dibela.


Banyak pihak curiga mengenai kehadiran Akta Ahli Geologi, mereka khuatir ia akan menjejaskan perkhidmatan profesion teknikal lain. Akta Ahli Geologi adalah kawalan kualiti terhadap profesion geologi dan tidak terbabit dalam urusan profesion lain. Banyak yang keliru antara pelaksanaan projek yang bersifat multidisiplin dengan input ilmu dan kemahiran geologi. Dalam isu tanah runtuh umpamanya, pengetahuan geologi penting untuk memahami fenomena kegagalan cerun. Input geologi juga amat berguna bagi jurutera menyediakan reka bentuk baik pulih dan kawalan kestabilan cerun.

Pelaksanaan Akta Ahli Geologi adalah jejak kunci terpenting dalam profesion Geosains. Ia memberikan status 'duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi' dengan kerjaya lain seperti jurutera, arkitek, juruukur dan perancang. Melalui akta ini, apa yang berubah ialah jika pengetahuan geologi diperlukan untuk kepentingan awam, ia perlu disampaikan oleh ahli geologi berdaftar.



Penulis

ialah Felo Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM dan Ahli, Lembaga Ahli Geologi Malaysia.



PROF EMERITUS
IBRAHIM KOMOO